NO. SOALAN: 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]

TARIKH : 10 MAC 2015

RUJUKAN : 7719

SOALAN:

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) tahap keselamatan semua pintu masuk ke negara ini sama ada di lapangan terbang, pelabuhan atau pintu sempadan yang lain; dan

(b) mengapa pengganas antarabangsa memilih Malaysia sebagai tempat perlindungan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua

Bagi menjawab soalan (a), tahap keselamatan di semua pintu masuk utama negara seperti di lapangan terbang, pelabuhan dan darat adalah terkawal. Pemantauan sentiasa dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri menerusi platfom Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Sasaran Penting Negara serta naziran oleh Tim Sasaran Penting setiap bulan. Tindakan ini adalah termaktub di dalam Arahan Tetap Sasaran Penting 1993.

Tuan Yang Di Pertua

Bagi menjawab soalan (b) pula, Malaysia bukanlah tempat perlindungan kepada pengganas-pengganas untuk menjalankan aktiviti mereka. Daripada maklumat risikan, Malaysia hanyalah dijadikan sebagai negara transit sahaja untuk mereka ke negara ketiga. Aktiviti kumpulan pengganas ini sedang dipantau dengan rapi oleh Kementerian Dalam Negeri menerusi Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Di antara tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan ialah untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas dari negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan juga sedang menggubal Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan 2015 khusus untuk menangani ancaman kegiatan keganasan yang merupakan salah satu elemen di dalam jenayah rentas sempadan. Insya- Allah, saya akan membentangkan Rang Undang-undang tersebut pada dalam sesi kali ini.

Adalah diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberikan sokongan padu sepertimana sokongan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa sesi pembentangan Kertas Putih oleh YAB Perdana Menteri pada sesi yang lepas.